



NOTIS AWAM

PEMAKLUMAN OPERASI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

PENDAHULUAN

1. YAB Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020 di seluruh negara. Susulan itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) melalui surat JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020 telah mengarahkan semua Pejabat Kerajaan Persekutuan mula beroperasi sepenuhnya mulai 4 Mei 2020. Dalam surat arahan ini, Ketua Jabatan masih boleh mempertimbangkan untuk memberi kelonggaran kepada pegawai sama ada berkerja di pejabat atau bekerja dari rumah mengikut keperluan.
2. Bagi perkhidmatan awam negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri pada 2 Mei 2020 telah mengeluarkan arahan bekerja dari rumah di sepanjang PKPB. Penutupan premis Kerajaan Negeri sehingga 12 Mei 2020 masih berkuatkuasa. Ketua Jabatan perlu menyelaras keperluan sumber tenaga manusia mengikut keperluan dan kehadiran di pejabat hanya dibenarkan bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan di pejabat.
3. YAB Ketua Menteri Sabah dalam siaran medianya pada 3 Mei 2020 menyatakan Kerajaan Negeri tidak melaksanakan PKPB sebaliknya masih meneruskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 4 yang akan berakhir pada 12 Mei 2020 dan menyeru rakyat agar mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 4.
4. Dalam sidang medianya pada 3 Mei 2020, Setiausaha Persekutuan Sabah menyatakan semua agensi persekutuan di Sabah masih tertakluk kepada PKP Tahap 4 selari dengan keputusan Kerajaan Negeri. Hanya agensi kritikal sahaja yang boleh beroperasi. Sekiranya ada agensi Persekutuan

lain yang perlu beroperasi, Ketua Jabatan hendaklah memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi sepanjang masa.

5. Berdasarkan perkembangan tersebut, maka Jabatan ini telah menetapkan kaedah pengoperasian Jabatan bagi tempoh bermula 4 Mei 2020 sebagai rujukan warga Jabatan.

(a) 4-12 Mei 2020

Operasi secara dalaman yang melibatkan warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Sabah (JKSNS) yang dijadualkan bertugas di pejabat dimulakan **tanpa melibatkan kehadiran “walk in client” atau pelanggan yang hadir tanpa temu janji secara fizikal**. Mana-mana pelanggan yang berhasrat untuk memfailkan atau memohon pendengaran kes-kes dengan segera hanya akan dilayan melalui temu janji dan dengan mengemukakan Surat Perakuan Segera kepada Mahkamah. Para pelanggan masih boleh mendapatkan perkhidmatan runding cara melalui talian telefon/ e-mel pegawai bertugas. Pengendalian kes jenayah yang baharu yang melibatkan permohonan jamin boleh dibuat dengan menghubungi Pendaftar Mahkamah Syariah Sabah yang berkaitan.

Sepanjang tempoh ini JKSNS akan merancang dan melaksanakan kerja-kerja persiapan bagi memulakan perkhidmatan kepada pelanggan yang akan hadir secara fizikal pada tarikh yang ditetapkan. Ini bagi memastikan JKSNS benar-benar bersedia untuk mengendalikan pelanggan yang hadir berurusan secara teratur dan lancar selaras dengan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

(b) Mulai 13 Mei 2020 hingga pemakluman rasmi lain dikeluarkan

Operasi melibatkan **perkhidmatan kepada pelanggan yang hadir secara fizikal dimulakan dengan temujanji**. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah **terhad** kepada perkhidmatan seperti berikut:

- i. Pemfailan dan perbicaraan kes pengesahan lafaz cerai di luar mahkamah;
- ii. Pemfailan dan perbicaraan kes penceraian dengan persetujuan bersama antara suami dan isteri;
- iii. Pemfailan dan merekodkan apa-apa kes yang berjaya mencapai penyelesaian secara persetujuan bersama;
- iv. Pemfailan kes yang melibatkan tempoh dan had masa (Contoh: Notis Rayuan);
- v. Pemfailan dan perbicaraan kes permohonan Injunksi

- vi. Pengambilan perintah meterai bertulis (Perlu buat temu janji awal terlebih dahulu) ; dan
- vii. Kes-kes lain yang tertakluk kepada pertimbangan Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah,

Selain perkhidmatan untuk mengambil perintah meterai bertulis, semua kes-kes yang hendak difailkan atau dibicarakan mestilah disertakan dengan Surat Perakuan Segera yang menyatakan alasan-alasan yang menyokong permohonan untuk kes-kes tersebut dibenarkan untuk difailkan dan dibicarakan.

Orang Awam/ Peguam hendaklah menghubungi pegawai yang boleh dihubungi dalam tempoh PKP di setiap Mahkamah Syariah Daerah bagi tujuan temu janji kehadiran ke Mahkamah.

Operasi perkhidmatan kaunter Mahkamah Syariah Negeri Sabah adalah seperti berikut:

Tarikh mula perkhidmatan : 13 Mei 2020 (Rabu)
Waktu operasi : Isnin hingga Jumaat
(9.00 pg –1.00 ptg)

Walau bagaimanapun sebagai langkah kawalan dan pencegahan, semua pelanggan yang hadir ke Mahkamah dikehendaki memakai topeng muka (*face mask*), diwajibkan melalui saringan kesihatan dengan mengimbas suhu badan di laluan masuk yang ditetapkan, memastikan penjarakan sosial dilaksanakan dan langkah-langkah lain yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelanggan dilarang sama sekali untuk membawa kanak-kanak semasa berurusan di Mahkamah Syariah Sabah. Bagi mengekalkan penjarakan sosial, hanya pelanggan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas sahaja yang akan dibenarkan masuk ke dalam premis mahkamah.

Pelanggan yang menghadapi masalah kesihatan dinasihatkan untuk menangguhkan hasrat untuk hadir ke Mahkamah sehingga benar-benar sembuh.

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi talian telefon premis Mahkamah Syariah Negeri Sabah yang berkaitan seperti tertera di laman sesawang <http://sabah.jksm.gov.my/>

Dikeluarkan oleh:

**Pejabat Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah**